

Hasrat Datuk Jaafar bersara disambut baik

KANGAR, Ahad — Pengumuman Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan untuk mengundurkan diri dan terus bersara dari politik sebelum pilihanraya umum akan datang semangnya di tunggung-tunggu oleh kalangan politik di sini, khususnya pemimpin-pemimpin UMNO negeri.

Dalam satu tinjauan hari ini, Berita Harian difahamkan pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat cawangan menyokong pengumuman Datuk Haji Jaafar untuk mengundurkan diri lebih awal memandangkan keadaan kesihatan beliau selepas menjalani pembedahan jantung di London baru-baru ini.

Mereka berpendapat pengunduran Datuk Haji Jaafar itu akan membolehkan bakal penggantinya memperkukuhkan lagi kedudukan parti, politik dan Kerajaan Negeri menjelang pilihanraya umum.

Pemimpin-pemimpin UMNO tempatan juga sepakat beliau sepatutnya mencontohi tauladan Tun Hussein Onn yang bersara lebih awal dan menyerahkan tampuk pemerintahan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad atas sebab-sebab kesihatan dengan penuh kerelaan dan kelikhlasan.

"Demi menjaga kepentingan parti dan Kerajaan lagi awal Datuk Haji Jaafar mengundurkan diri adalah lebih baik," kata jurucakap Perhubungan Pemuda UMNO Negeri Perlis.

"Kami menghormati beliau sebagai seorang pemimpin yang berkewibawaan dan berpengalaman dan berketulusan, tetapi malangnya kesihatan beliau tidak lagi seperti dahulu," katanya.

Oleh yang demikian tambah jurucakap itu lagi, Pemuda UMNO negeri menyambut baik keputusan Menteri Besar untuk meletakkan jawatan dan terus bersara dari politik.

Mengenai calon bakal penggantinya, jurucakap pemuda itu berkata, beliau tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Datuk Haji Jaafar bahawa beliau mendapati ramai tokoh pemuda yang layak mengambil alih pentadbiran Negeri bila beliau bersara.